

Mahathir terima kunjungan Nik Aziz

KUALA LUMPUR 9 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima kunjungan hormat Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri.

Mereka telah membincangkan berbagai perkara termasuk perkembangan semasa dan juga hubungan kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri, menurut kenyataan dua perenggan daripada Pejabat Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir dan Haji Nik Aziz sebelum ini bertemu pada majlis perasmian jambatan Pasir Mas - Salor di Kelantan pada 30 Mei.

Di Kota Bharu Menteri Besar Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat menganggap pertemuan rasminya yang pertama dengan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad pagi ini telah merintis jalan ke arah menjernihkan hubungan antara Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan.

Sambil memberitahu bahawa perbincangan dengan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri mulai jam 11 pagi telah berlangsung dalam suasana penuh mesra, dan berkata beliau berpuashati dengan hasil pertemuan itu.

"Saya berpuashati dengan pertemuan selama kira-kira 23 minit itu yang dianggap besar artinya dalam menjernihkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri ini," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian ketika ditemui di kediaman rasminya di JKR 10 di sini semalam, setelah kembali dari Kuala Lumpur petang ini.

Haji Nik Aziz yang kelihatan gembira menceritakan mengenai pertemuan itu berkata dalam perbincangan mereka Perdana Menteri telah memberikan jaminan akan memberikan bantuan kepada Kelantan sama seperti negeri-negeri lain.

"Dalam pertemuan itu juga turut disentuh mengenai politik semasa secara umum dalam suasana kemesraan," ujarnya.

Menteri Besar memberitahu, sempena dengan pertemuan itu juga beliau menyerahkan senarai projek-projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) dinegeri ini untuk mendapatkan bantuan Kerajaan Pusat.

Menurutnya, antara projek-projek itu termasuklah pelabuhan, Jalan Persisiran Pantai dari Tumpat menuju ke Pasir Puteh sehingga sempadan Terengganu.